From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: C-INNOVERSE@ SLCP INNOVATION CHALLENGE 2026 SEMARAK BUDAYA INOVASI WARGA SLCP
Date: Thursday, 17 September, 2026 10:02:18 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Naizatul Akma Mohd Mokhtar dan Mohamad Ismandi Wasli

C-INNOVERSE@ SLCP INNOVATION CHALLENGE 2026 SEMARAK BUDAYA INOVASI WARGA SLCP



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan budaya kreativiti dan inovasi melalui penganjuran C-InnoVerse@ SLCP Innovation Challenge 2026 yang berlangsung di DKG 3/1, UUM.

Pertandingan anjuran Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Inovasi dan Pengkomersialan SLCP itu menyediakan platform kepada warga pusat pengajian untuk mengetengahkan idea, produk dan perkhidmatan inovatif, selain menggalakkan penghasilan inovasi yang berpotensi diketengahkan ke peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Penganjuran C-InnoVerse@ SLCP Innovation Challenge 2026 turut menjadi medan untuk mengenal pasti produk dan perkhidmatan yang berpotensi didaftarkan sebagai harta intelek (IP) serta dikembangkan ke arah pengkomersialan.

Usaha ini sejajar dengan aspirasi SLCP untuk membudayakan inovasi secara berterusan dan menghasilkan produk yang mampu memberi nilai tambah kepada universiti, industri serta masyarakat.

Program bermula dengan pendaftaran peserta pada sebelah pagi sebelum diteruskan dengan sesi pembentangan oleh kumpulan yang bertanding. Setiap peserta diberi peluang mengetengahkan inovasi masing-masing serta menerima pandangan dan maklum balas daripada barisan juri.

Barisan juri terdiri daripada Dr. Nur Sauri Yahaya dari Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), UUM dan Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa SLCP, Dr. Maizatul Azura Yahya yang bukan sahaja menilai untuk menentukan inovasi terbaik, malah memberi input kepada peserta untuk memperkukuhkan potensi produk dan idea yang dibangunkan.

Pengarah Program, Dr. Naizatul Akma Mohd Mokhtar berkata, pertandingan tersebut diharapkan tidak berakhir sekadar sebagai medan pertandingan, sebaliknya menjadi titik permulaan kepada pembangunan inovasi yang mempunyai nilai dan potensi untuk diperluaskan.



“Pertandingan ini membuka ruang kepada warga SLCP untuk mengetengahkan idea dan inovasi yang berpotensi dikembangkan dengan lebih jauh.

”Diharapkan inovasi yang dihasilkan tidak terhenti pada peringkat pertandingan sahaja, sebaliknya dapat diperkasakan ke arah pendaftaran harta intelek, penyertaan dalam pertandingan pada peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya pengkomersialan,” katanya.

Beliau berkata, penganjuran program seumpama itu juga dapat menggalakkan perkongsian kepakaran serta memperkukuhkan jaringan kerjasama antara warga akademik dan pentadbiran dalam pembangunan produk serta perkhidmatan inovatif.

Sementara itu, Dekan SLCP, Prof. Madya Dr. Mohd Khadafi Rofie dalam ucapannya menyatakan sokongan penuh terhadap penganjuran C-InnoVerse@ SLCP Innovation Challenge 2026 dan menyifatkan pertandingan berkenaan sebagai salah satu wadah penting dalam memperluas budaya inovasi dalam kalangan warga pusat pengajian.

Beliau turut menyeru agar penyertaan dalam pertandingan akan datang diperluaskan kepada semua lapisan warga SLCP, termasuk barisan pengurusan tertinggi pusat pengajian.

“Untuk pertandingan akan datang, saya mahu barisan pengurusan tertinggi SLCP turut mengambil bahagian. Saya sendiri dan barisan Timbalan Dekan juga perlu masuk bertanding supaya budaya inovasi ini benar-benar digerakkan bersama oleh seluruh warga SLCP,” katanya.



Menurutnya, penglibatan barisan pengurusan bukan sahaja dapat memberi sokongan secara langsung kepada usaha membudayakan inovasi, malah menunjukkan bahawa penghasilan idea kreatif dan inovatif merupakan tanggungjawab bersama tanpa mengira kedudukan atau bidang tugas.

Seruan itu turut mencerminkan komitmen kepimpinan SLCP untuk mewujudkan ekosistem inovasi yang lebih inklusif, dengan warga akademik, pentadbiran dan pengurusan bersama-sama memainkan peranan dalam mencetus serta membangunkan idea yang mampu memberi impak kepada universiti dan masyarakat.

Beliau kemudiannya merasmikan sekali gus menutup C-InnoVerse@ SLCP Innovation Challenge 2026, sebelum majlis diteruskan dengan pengumuman pemenang, penyampaian hadiah dan sesi fotografi.

Penganjuran C-InnoVerse@ SLCP Innovation Challenge diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai platform berterusan untuk mencungkil lebih banyak idea kreatif dan inovatif dalam kalangan warga SLCP, selain melahirkan produk dan perkhidmatan yang berpotensi dikembangkan ke arah harta intelek serta pengkomersialan.

C-InnoVerse@ SLCP Innovation Challenge 2026 bukan sekadar meraikan pemenang, tetapi menjadi langkah awal dalam membina budaya inovasi yang digerakkan secara bersama oleh seluruh warga SLCP.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.